

BAB 2

KAJIAN – KAJIAN BERKAITAN

2.1 LATAR BELAKANG

Sejak lebih kurang 2,000 tahun dahulu, konsep Padanan Terjemahan atau dalam bahasa Inggerisnya *Translation Equivalent* telah mula menjadi isu yang paling penting untuk diperbincangkan dalam teori penterjemahan, malahan sehingga ke hari ini pun, khususnya dalam ilmu penterjemahan moden ia masih tetap merupakan antara topik yang paling kerap diperdebatkan (Wilss, 1982: 134). Sungguhpun pengkajian mengenainya telah mengambil masa yang agak lama, masih belum ada lagi suatu ketetapan pernyataan yang dapat dibuat untuk memberi definisi yang menyeluruh mengenai konsep padanan terjemahan ini, walaupun banyak percubaan yang telah dibuat. Kebanyakan pernyataan yang telah diutarakan oleh para penterjemah mau pun para linguis sering bercanggahan antara satu sama lain. Ini telah mengakibatkan kesukaran bagi mereka untuk mencapai satu kesepakatan dalam membincangkan isu mengenai padanan terjemahan. Tambahan pula, pernyataan atau perbincangan yang dibuat itu, setakat ini hanyalah sekadar menyentuh

permukaannya sahaja dan masih belum sampai ke akar umbi permasalahan sebenar (Wilss, 1984: 135)

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Svejcer (1981:321) yang dipetik daripada Wilss, W (1982, m.s 134),

Equivalence is one of the central issues in the theory of translation and yet one on which linguists seem to have agreed to disagree.

Tiadanya kesepakatan mengenai konsep padanan terjemahan ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi apabila terdapatnya begitu banyak istilah-istilah yang digunakan oleh para penterjemah dan para linguis untuk menerangkan konsep ini dalam kajian mereka; antaranya ialah, *total equivalence* (padanan menyeluruh) (Albrecht, 1973), *functional equivalence* (padanan berfungsi) (Jager, 1973), *equivalence in difference* (padanan dalam kelainan) (Jakobson, 1966), *retention (maintenance) of translation invariance on the content level* (penyesuaian dengan ketetapan pada isi) (Kade, 1968a), *equality of textual effect* (persamaan berdasarkan kesan ketekstualan) (Koller, 1972), *illusionist vs. anti-illusionist translation* (khayalan lawan terjemahan anti-khayalan) (Levy 1969), *closest natural equivalent* (padanan sejadi terdekat) (Nida, 1964), *formal correspondence vs. dynamic equivalence* (persamaan formal lawan padanan dinamis) (Nida, 1964), *stylistic equivalence* (padanan stilistik) (Popovic, 1976),

functional invariance (ketetapan berfungsi) (Roganova, 1971), *communicative equivalence* (padanan komunikatif) (Reiss, 1976), *pragmatic appropriateness of translation* (terjemahan berdasarkan kesesuaian pragmatik) (Kopczynski, 1980), dan *text-pragmatic equivalence* (padanan teks-pragmatik) (Wills, 1980b). Namun demikian, dari segi teori masih belum ada lagi istilah resmi 'equivalence' yang digunakan dalam ilmu penterjemahan (Filipec, 1981:81) sebagaimana yang di petik daripada Wilss,W (1982, m.s135)

Dalam perbincangannya mengenai padanan terjemahan, Wilss dalam bukunya *The Science of Translation: Problems and Methods*(1982), telah mengutarakan beberapa faktor penyebab yang telah mengakibatkan keadaan 'ketidak-pastian ' berhubung dengan konsep padanan terjemahan ini, iaitu

(1) Pengkhususan penterjemah (translator-specific)

Setiap penterjemah adalah umpama alat perantara dalam sesebuah komunikasi. Justeru itu seharusnya ia memiliki kemahiran dan pengalaman yang mencukupi dalam bidang linguistik(khusus) dan bukan linguistik (extra) disamping memiliki sifat kesungguhan yang mendalam dalam ilmu penterjemahan, kerana ini semua sebenarnya akan mempengaruhi kualiti terjemahan yang akan dihasilkan. Dan ini bermakna sesuatu hasil terjemahan itu bergantung penuh kepada keupayaan mental penterjemahnya. Sejauh mana ia memahami teks asal, dan tahap mana kemahirannya dalam kedua-dua bahasa, disamping sedalam mana

pengetahuannya mengenai teori penterjemahan. Semuanya akan turut mempengaruhi hasil terjemahannya.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Kopczynski (1980,45) yang dipetik oleh Wilss,W (1882, m.s139),

Since every translator is a human being with his own , individual psychological make up, the result o f his translational activity depends on his own predisposition toward the text to be translated and his own problem-solving capacity.

(2)Pengkhususan teks (text-specific)

Sememangnya menjadi lumrah bahawa satu bahasa berlainan dari satu bahasa yang lain. Masing-masing mempunyai ciri-ciri keistimewaannya yang tersendiri sehingga agak sukar juga bagi kita untuk mendapatkan persamaan antaranya. Berikutnya itu timbulah permasalahan-permasalahan terutamanya dalam proses penterjemahan. Permasalahan dari segi pengkhususan teks ini mengambil kira permasalahan yang wujud samada ketika menganalisa teks asal ataupun ketika menghasilkan semula teks terjemahan. Misalnya dalam permasalahan 'kekaburuan semantik'. Sebagai seorang penterjemah yang cekap seharusnya lah mengutamakan ciri-ciri semantik yang boleh diterima oleh pembaca/pendengar sasaran. Malangnya sejauh mana ketepatan sesuatu terjemahan yang telah diberikan itu tidak diketahui oleh

pembaca/pendengar sasaran kerana mereka sendiri tidak faham bahasa teks sumber. Justeru itu sering kali kita dapat terhasilnya dua terjemahan yang berbeza samada dari segi semantiknya maupun struktur permukaannya untuk satu teks yang sama. Selain daripada itu terdapat juga permasalahan-permasalahan seperti 'sintatik yang komplek' yang merupakan salah satu permasalahan yang sering dihadapi oleh penterjemah. Sering kali diperkatakan bahawa permasalahan akan lebih sukar dan lebih komplek sekiranya bahasa sumber dan bahasa sasaran bukannya daripada rumpun yang sama. Umpamanya agak mudah untuk menterjemah teks bahasa Perancis ke bahasa Inggeris kerana keduanya terdiri dari satu rumpun bahasa yang sama iaitu dari rumpun bahasa Indo-Eropah berbanding dengan proses menterjemah teks bahasa Jepun ke bahasa Inggeris yang bukan dari rumpun bahasa yang sama.

(3) Pengkhususan Penerima (Receptor-specific)

Sesuatu hasil terjemahan itu seharusnya dapat memberi kesan kepada penerima sasaran(pembaca/pendengar sasaran) yang sama sepetimana kesan yang diterima oleh pembaca/pendengar teks asal. Dan kesan sesuatu teks asal itu hanya akan dapat dirasai oleh penerima sekiranya mereka benar-benar dapat memahami dan menghayati teks terjemahan tersebut. Sesuatu teks terjemahan yang dianggap baik seharusnya mudah difahami oleh penerima. Justeru itulah sebelum melakukan sebarang penterjemahan seseorang penterjemah seharusnya mengambil kira kepada

siapakah hasil terjemahannya itu akan ditujukan, kerana ini merupakan salah satu daripada proses terpenting dalam prosedur penterjemahan. Ini bermakna jenis penerima juga turut mempengaruhi hasil sesebuah penterjemahan itu. Misalnya buku terjemahan 'Pengembaraan Guliver' untuk pembaca dewasa seharusnya berbeza dengan buku terjemahan 'Pengembaraan Guliver' yang ditujukan kepada kanak-kanak terutamanya perbezaan dari segi penggunaan bahasa. Kes pengkhususan penerima juga sering berlaku dalam urusan perniagaan impot/ekspot di mana penterjemah perlu menyesuaikan kehendak dan konsep penulis teks asal dengan penerima teks terjemahan (Holz-Manttari 1980). Walau bagaimanapun, secara keseluruhan sukar bagi kita mendapat keadaan di mana wujudnya satu pakatan yang rapat antara penulis teks asal, penterjemah dan penerima teks terjemahan. Apa yang sering terjadi, penterjemah tidak mengenal lansung penulis teks asal apa tah lagi secara dekat, dan lebih memburukkan keadaan lagi sering kali penterjemah tidak tahu kepada siapakah hasil terjemahannya akan ditujukan. Keadaan sebaliknya, di mana penerima teks terjemahan tidak tahu dan tidak ingin ambil tahu siapakah yang bertanggung jawab menterjemah teks yang dibacanya.

Kesemuanya ini menunjukkan kepada kita bahawa bila menyentuh soal keseluruhan konsep padanan terjemahan (iaitu bercakap mengenai syarat-syarat di mana sesuatu perkataan itu boleh dianggap sebagai 'padanan'

kepada sesuatu perkataan dalam bahasa yang lain), ia akan tetap tinggal sebagai teori yang tidak pasti. Atau dalam kata lain, padanan terjemahan itu adalah suatu fenomena empirikal, di mana sesuatu penyelesaian permasalahan hanya sesuai untuk teks terjemahan itu sahaja. Setiap penyelesaian yang didapati begitu terhad untuk diterima pakai pada teks yang lain walaupun ianya terdiri dari teks yang sama jenis. Mungkin untuk menterjemah **teks A**, **penterjemah a** menggunakan **pendekatan C**, tetapi tidak mungkin untuk menterjemah **teks B**, **penterjemah a** masih mengambil pendekatan yang sama iaitu **pendekatan C** walaupun **teks A** dan **teks B** terdiri dari teks yang sama jenis . Begitu juga halnya dengan **penterjemah b** yang ingin menterjemah **teks A**, tidak mungkin ia menggunakan **pendekatan C** tetapi menggunakan **pendekatan D**, walaupun teks yang ingin diterjemah masih sama.

Tidak diketahui sejak bila istilah padanan terjemahan (translation equivalence) ini mula diterima pakai dalam ilmu sains penterjemahan. Dipercayai perkataan 'equivalence' ini telah dipinjam dari ilmu matematik oleh para penterjemah dalam usaha mereka untuk mendapatkan suatu terminologi yang lebih berotonomi. Dalam ilmu matematik, 'equivalence' merujuk kepada elemen-elemen dari 2 set himpunan yang mempunyai hubungan saling berkait antara satu sama lain tanpa ragu-ragu (Brockhaus Enzyklopädie, 1966 ff.; vol.1:637). Walaupun begitu terdapat juga sesetengah pendapat seperti Jager (1968) yang dipetik daripada Wilss,W

(1982 m.s 138) ada menyatakan bahawa ‘equivalence’ itu adalah istilah yang dipinjam dari ilmu sains logik, kerana tambahnya lagi, ini adalah perlu sebagai prasyarat untuk perkembangan dalam teori penterjemahan bahasa (the development of a theory of language translation).

Menurut Wilss, konsep padanan terjemahan mula-mula dijumpai dalam *machine translation* berdasarkan ciri-ciri yang terdapat padanya. Sementara dalam kerangka ilmu sains penterjemahan pula, dikatakan Jakobsanlah orang yang bertanggung jawab yang mula mengenangkan konsep padanan terjemahan dalam artikel tulisan beliau yang bertajuk, *On Linguistic Aspect of Translation*(1966). Artikel ini kemudian telah menjadi bahan rujukan yang paling penting dalam ilmu sains penterjemahan walaupun hanya untuk sementara waktu sahaja. Dengan adanya ide yang dicetuskan oleh Jakobson mengenai konsep *equivalence in difference*, telah memberi jalan yang lebih luas terbuka kepada perkembangan ilmu sains penterjemahan. Sementara itu menurut Zenner (1971) sebagaimana yang dipetik daripada Wilss, W (1982 m.s138) pula, konsep PT ini sebenarnya telah lama wujud iaitu sebelum tahun 1959. Ianya mula didapati di dalam penerbitan buku-buku pertuturan bahasa Inggeris yang berhubungan dengan sains penterjemahan. Walaupun ianya lebih awal dari Jakobson, penggunaannya adalah lebih kepada gaya pertuturan biasa. Keadaan sebegini adalah kerana di dalam bahasa Inggeris, konsep padanan sebenarnya merangkumi Bahasa Untuk Tujuan

Khas (LSP-Language for Special Purposes) dan bahasa lazim/bahasa biasa.

Agak berbeza dengan keadaannya dalam bahasa Inggeris, dalam penterjemahan bahasa Jerman, penterjemah membezakan antara bahasa biasa sebagai *Gleichwertigkeit* dan istilah teknikal sebagai *Aquivalenz*. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka keberatan untuk menerima istilah 'equivalence' itu sendiri. **Jumpelt** (1961) misalnya, walaupun beliau secara intensifnya telah membincangkan tentang permasalahan PT, tetapi lebih gemar menggunakan perkataan *Gleichwertigkeit* (dan menambah perkataan *Aquivalenz* di dalam kurungan). Tambahan lagi perbincangan beliau mengenai PT lebih tertumpu kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan permasalahan untuk mengenal pasti teori relevan.


Sementara itu status PT adalah lebih rumit dalam bahasa Perancis jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris dan bahasa Jerman, akibat masalah kecaburan dalam ilmu semantik. Keadaan ini dapat dilihat dalam kerangka *stylistique comparee* yang antara lainnya menentukan prosedur-prosedur pengalihan khusus yang dapat menggambarkan perubahan semantik sesuatu ujaran dalam keadaan tertentu. Dan kesemuanya ini terkandung dalam rujukan kerangka Postgate (*Postgate's frame of reference*, 1922) yang terarah kepada penterjemahan dimensi prospektif ('prospective' dimension of translation).

2.2 PELBAGAI PENDAPAT MENGENAI ‘PADANAN’

Hasuria Omar dalam makalahnya yang bertajuk *Mendekati Kehilangan Makna dalam Terjemahan* (1997) telah menghuraikan konsep padanan dalam penterjemahan sebagai usaha memadankan teks bahasa sasaran yang membawa maksud yang sama atau mendukung fungsi yang sama dengan unsur yang terdapat dalam bahasa sumber. Pemadanan makna ini dilakukan menerusi penggunaan perkataan, frasa, klausa, ayat , perenggan dan sebagainya. Dalam hal ini kesatuan makna turut dipentingkan.

Sementara itu bagi **Mashudi Kader dan Low Bee Eng** pula, seperti yang dinyatakan dalam makalah mereka yang bertajuk *Padanan dan Penyelesaian : Penterjemahan Kata Namaan*(1993), telah menganggap padanan dalam penterjemahan sebagai bentuk linguistik yang berupa kata atau frasa dalam bahasa sasaran yang dapat menggantikan konsep yang terdapat dalam bentuk linguistik bahasa sumber. Manakala dalam makalah mereka yang masih berkaitan dengan konsep padanan juga iaitu *Padanan Kata Depan dan Kata Sandang* (1993): Kes daripada "The Good Earth"(Buck,1985) dan "The Old Man and The Sea"(Hemingway,1986), mereka telah mencadangkan beberapa strategi sebagai garis panduan dalam mencari padanan dalam sesuatu penterjemahan seperti yang telah disenaraikan berikut:

- (a) Mencari padanan melibatkan pemindahan konsep daripada bahasa sumber kepada bahasa Sasaran; dan setelah konsep itu berpindah maka label linguistik yang sesuai bagi konsep yang dipindahkan itu dalam bahasa Sasaran perlu dicari.
- (b) Label linguistik yang dipilih sebagai padanan dalam bahasa Sasaran secara unggul dapat merujuk *fungsi*, *makna* dan *peranan* yang "sama" dalam bahasa sumber. Namun demikian memandangkan bahasa ialah cermin pemikiran penuturnya yang mempunyai "Weltanschaung" (daripada perkataan Jerman yang bermaksud *berpandangan/berfikiran luas*) yang tersendiri, bahasa ialah cermin pemikiran penuturnya dan bahasa juga ialah alat penyampaian dan penyataan cara hidup dan kebudayaan, maka sering kali padanan yang terdapat ialah **padanan yang hampir sama**.
- (c) Dengan **padanan yang hampir sama** dimaksudkan kepadanan yang mencakupi konsep yang hampir sama dari segi fungsi, makna dan sama ada jenis (I) atau (II) berikut;



Kes (I) ialah kes terjemahan melampau (over-translation), manakala

Kes (II) ialah kes terjemahan kurang (under-translation)

Susan Bassnett - Mc Guire dalam dalam buku mereka *Translation Studies* (1980), mula memberi perhatian mengenai konsep padanan apabila

mereka membincangkan penterjemahan bahasa kiasan. Menurut mereka, penterjemahan yang melibatkan penterjemahan bahasa kiasan seperti yang terdapat dalam sajak, lirik lagu dan sebarang teks yang melibatkan unsur-unsur budaya, memerlukan pertimbangan dan perhatian yang lebih luas terutamanya dalam persoalan mentafsirkan makna. Cuba kita lihat beberapa contoh bahasa kiasan yang telah diberikan oleh mereka dalam bahasa Itali berikut, di mana kita akan dapat beberapa pengubahan/peralihan dibuat dalam proses penterjemahannya.

Giovanni sta menando il can per l'aia

Sekiranya diterjemahkan secara literal ia akan menjadi,

John is leading his dog around the threshing floor

Ayat yang dihasilkan ini amat janggal dan asing sekali, malahan tidak membawa apa-apa maksud pun. Sekiranya dicari satu bahasa kiasan dalam bahasa Inggeris yang paling hampir dengan bahasa kiasan dalam bahasa Itali tadi iaitu *is to beat about the bush*, terjemahan yang lebih tepat adalah seperti berikut:

John is beating about the bush

Dari sini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa dalam penterjemahan sesebuah bahasa kiasan dari satu bahasa ke satu bahasa yang lain, adalah lebih tepat sekiranya kita dapat menggantikan satu bahasa kiasan bahasa sumber dengan satu bahasa kiasan bahasa sasaran yang paling hampir daripada kita bersusah payah untuk menterjemahkannya sehingga hasil yang didapati hanyalah suatu ide yang mengelirukan.

Penggantian yang dimaksudkan disini bukannya berdasarkan pada elemen linguistik dalam frasa dan bukan juga berdasarkan persamaan atau imej hampir serupa di dalam frasa tetapi berdasarkan fungsi sesebuah bahasa kiasan tersebut. Suatu frasa dari bahasa sumber digantikan dengan suatu frasa bahasa Sasaran yang dapat menyediakan suatu tujuan yang sama dalam budaya bahasa Sasaran disamping turut melibatkan juga penggantian simbol bahasa sumber dengan simbol bahasa Sasaran.

Dagut (yang dipetik daripada *Translation Studies*, 1980:24) lebih menunjukkan minatnya dalam menghuraikan permasalahan penterjemahan metafora telah berpendapat bahawa padanan dalam bahasa Sasaran untuk sesebuah metafora dari bahasa sumber sebenarnya tidak wujud kerana metafora itu sendiri hanyalah sebagai sebuah persembahan bahasa yang sering kali mempunyai kekaburuan semantik. Dalam keadaan begini terpulanglah kepada kebijaksanaan penterjemah untuk memberitahu bahawa padanan tidak dapat dicari sebaliknya padanan perlu dicipta. Persoalannya pula samada metafora itu dapat diterjemahkan seumpamanya atau ia hanya boleh 'dihasilkan semula' dengan cara tertentu sahaja.

Dalam usaha memberi definisi yang tepat mengenai padanan, **Popovic** (sebagaimana yang terdapat *Translation Studies*, 1980:25) telah mengkategorikan padanan kepada 4 jenis iaitu:

- 1) Padanan Linguistik
- 2) Padanan Paradigmatik
- 3) Padanan Stilistik (Translational)
- 4) Padanan Tekstual(Sintagmattik)

Terdapat persamaan pendapat antara Popovic dan Susan Bassnet - Mc Guire dalam menyelesaikan permasalahan penterjemahan bahasa kiasan, iaitu yang melibatkan padanan stilistik di mana berlakunya penggantian bahasa kiasan bahasa sumber kepada bahasa kiasan yang membawa fungsi yang sama dari bahasa sasaran. Menurut Popovic berkaitan dengan permasalahan yang sama, proses penterjemahan sebenarnya bukan sahaja melibatkan penggantian leksikal dan item gramatikal antara dua bahasa, sebagaimana yang dapat kita lihat dalam penterjemahan bahasa kiasan dan metafora, malahan proses ini turut melibatkan pengabaian elemen asas linguistik dalam teks bahasa sumber sebagai usaha mencapai matlamat yang dinamakan 'identiti ekspresif' antara teks bahasa sumber dan teks bahasa sasaran. Tetapi sekali penterjemah mengalihkan pandangan dari padanan linguistik terdekat akan muncul pula permasalahan dalam menentukan peringkat padanan bagi mendapatkan keadaan 'kesejadian' yang bersesuaian.

Dalam membincangkan persoalan padanan juga, Popovic telah menyarankan satu konsep yang dinamakan *invariant core* (teras yang tetap). Ini bermakna pada setiap teks asal itu seharusnya terdapat elemen-

elemen semantik yang stabil, berasas dan kukuh yang mana kewujudannya dapat dibuktikan dengan eksperimen pengukuhan semantik. Sebarang pengalihan/pengubahan atau kelainan tidak akan mengubah teras makna (*the core of meaning*) sebaliknya mempengaruhi bentuk ekspresif. Atau dalam kata lainnya. ‘*invariant*’ (*ketetapan*) boleh dijelaskan dengan melihat kewujudannya yang kerap dalam sesuatu penterjemahan itu. Oleh itu ‘*invariant*’ sebenarnya adalah sebahagian daripada hubungan dinamik dan tidak seharusnya dikelirukan dengan pertelaghanan spekulatif mengenai ‘*alam semulajadi*’ , ‘*kerohanian*’ atau ‘*kejiwaan*’ sesebuah teks ; ‘*kualiti yang sukar untuk ditakrifkan*’ inilah yang jarang sekali dapat ditawan oleh penterjemah.

Albert Neubert (yang dipetik daripada *Translation Studies*, 1980:25~27) telah membezakan pengkajian ilmu penterjemahan kepada dua: iaitu proses dan hasil. Beliau turut menjelaskan bahawa terdapat hubungan tertinggal (*missing link*) di antara kedua-dua komponen lengkap teori penterjemahan yang kemudiannya dikenali sebagai *teori hubungan padanan* (*theory of equivalence relation*) yang menganjurkan model *dinamik* dan *statik*. Pada pendapat beliau permasalahan padanan adalah tumpuan terpenting dalam pengkajian ilmu penterjemahan dan seterusnya sekali lagi menegaskan betapa perlunya teori hubungan padanan. Dalam percubaannya untuk menyelesaikan permasalahan padanan, Neubert telah membuktikan bahawa sekiranya dipandang dari sudut teori teks, padanan

terjemahan perlu mengambil kira *kategori semiotik* yang terdiri daripada komponen *sintaktik*, *semantik* dan *pragmatik*. Komponen-komponen ini kemudiannya disusun mengikut hubungan hirarki, di mana padanan semantik adalah lebih utama daripada padanan sintaktik dan syarat padanan pragmatik. Padanan pada dasarnya adalah :

- (a)hubungan simbol-simbol sesama sendiri
- (b)hubungan antara simbol dan maksud yang dibawanya, dan
- (c)hubungan antara simbol, maksud yang dibawanya dan siapa yang menggunakananya

Dan keadaan tindak balas di antara ketiga-tiga komponen ini kelak yang akan membantu proses pemilihan padanan dalam bahasa sasaran.

2.2.1 Padanan Teks dan Persamaan Formal

JC Catford, dalam bukunya *A Linguistic Theory of Translation* , 1965 (terjemahan oleh Uma a/p Iyavoo dan Koh Chung Gaik) telah membincangkan konsep padanan terjemahan dengan membezakan antara padanan teks dan persamaan formal.

Menurut beliau, **padanan (terjemahan) teks** ialah apa juu bentuk bahasa sasaran (teks/sebahagian teks) yang didapati pada ketika itu berpadanan dengan bentuk bahasa sumber (teks/sebahagian teks) menurut kaedah-kaedah tertentu. Atau dalam kata lain padanan teks itu seharusnyaalah padanan satu lawan satu. Misalnya bila ditanya, apakah padanan teks

dalam bahasa Perancis untuk teks bahasa Inggeris *My son is six*, dan jawapannya adalah **Mon fils a six ans**. Proses ini seharusnya boleh diulang-ulang bagi mana-mana bahagian teks keseluruhannya. Seperti dalam contoh di atas, apabila bertanyakan padanan dalam bahasa Inggeris bagi *My son* semestilah jawapannya **Mon fils** dalam bahasa Perancis. Keadaan yang sama juga berlaku sekiranya terdapat penggantian pada mana-mana bahagian teks bahasa sumber. Ini bermakna penggantian di bahagian yang sama dalam bahasa sasaran juga boleh dibuat. Dengan mengambil kira contoh di atas, apabila kita menggantikan *My son* dengan *Your daughter* dalam teks bahasa sumber, turut juga membolehkan kita menggantikan **Mon fils** kepada **Votre fille**. Atau dalam kata lain bahagian teks bahasa sasaran yang berubah (**Mon fils => Votre fille**) akan diterima sebagai padanan bagi bahagian teks bahasa sumber yang telah digantikan itu (**My son => My daughter**). Dalam perbincangan konsep padanan terjemahan ini juga, Catford turut memperkenalkan istilah *padanan kosong* yang menunjukkan keadaan di mana tidak ada padanan bahasa sasaran bagi item bahasa sumber tertentu contohnya:

Bahasa Inggeris (bahasa sumber) >>	<i>My father was a doctor</i>
Bahasa Rusia (bahasa sasaran) >>	Otets u men'a byl doktor

Kita dapat dalam teks bahasa Rusia, tidak ada padanan untuk kata sandang tak pasti 'a' bahasa Inggeris, kerana dalam bahasa Rusia tidak

mempunyai sistem kata sandang. Oleh yang demikian, kita boleh mengatakan bahawa padanan bahasa Rusia bagi kata sandang tak pasti 'a' dalam teks bahasa Inggeris ini ialah *kosong*.

Penyelesaian akan hanya dapat dibuat dengan mencari padanan pada tingkat yang lebih tinggi, iaitu tingkat kelompok yang lebih tinggi mengikut hirarkinya. Justeru itu kelompok namaan bahasa Inggeris *a doctor* dapat dipadankan dengan kelompok namaan bahasa Rusia *doktor*.

Sementara itu untuk **persamaan formal** pula, tambah Catford adalah apa jua kategori bahasa sasaran (unit, golongan, struktur, unsur struktur dan sebagainya) yang dikatakan dapat menduduki tempat, sedapat mungkin, yang 'sama' dalam 'ekonomi' bahasa sasaran seperti kedudukan kategori bahasa sumber tertentu dalam bahasa sumber.

Ini menjelaskan kepada kita bahawa persamaan formal itu hanyalah boleh disifatkan sebagai hampir-hampir sama sahaja, dan ia paling senang dibentuk pada aras pengabstrakan yang berelatif tinggi. Oleh yang demikian sekiranya terdapat keadaan di mana dua bahasa yang masing-masing beroperasi dengan unit tatabahasa pada lima tingkat (contohnya bahasa Inggeris dan bahasa Perancis yang mana kedua-duanya mempunyai lima tingkat unit tatabahasa iaitu: ayat, klausa, kelompok, kata dan morfem), maka secara munasabah kita boleh membuat kesimpulan bahawa terdapat persamaan formal antara dua hirarki unit itu, iaitu setiap satunya mempunyai bilangan tingkat yang sama sebagai hirarki (taksonomi); setiap satunya mempunyai jenis hubungan yang sama antara

unit daripada tingkat yang berlainan. Dengan membentuk persamaan yang sangat abstrak ini, maka bolehlah kita menggunakan ini sebagai rangka rujukan bagi menunjukkan persamaan hampir di tingkat pengabstrakan yang rendah. Misalnya, kita boleh berbicara tentang persamaan formal antara unsur struktur bahasa sumber dengan bahasa sasaran yang beroperasi di tingkat yang 'sama'.

Walau bagaimanapun, persamaan formal mungkin hanya dapat dibentuk akhirnya berdasarkan padanan teks pada tahap tertentu. Oleh itu, kita boleh menyatakan bahawa item atau golongan kata sesuatu bahasa merupakan padanan formal item atau golongan kata dalam bahasa lain. Ini disebabkan kategori berkenaan beroperasi hampir-hampir sama dalam struktur unit tingkat lebih tinggi dalam kedua-dua bahasa. Tetapi ini seterusnya bermakna bahawa kita telah dapat membentuk persamaan antara unit tingkat lebih tinggi dan mungkin ini perlu dilakukan berdasarkan padanan teks yang tertinggi kebarangkaliannya. Misalnya, kita mungkin boleh menyatakan bahawa terdapat persamaan formal antara golongan *kata depan* dalam bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Kenyataan ini dibuat berdasarkan fakta bahawa golongan kata *kata depan* dalam kedua-dua bahasa tersebut berfungsi bersama-sama kelompok namaan dalam struktur frasa adverbaan yang seterusnya berfungsi dalam kedua-dua bahasa sebagai:


- (a) *penerang* dalam struktur kelompok namaan (contohnya, *the door of the house* – *la porte de la maison*) atau,

(b) *adjung* dalam klausu

Sebaliknya, pembentukan persamaan formal antara bahasa Inggeris dengan bahasa Kabardi (Karbadian) adalah lebih sukar. Salah satu sebabnya ialah ada kemungkinan bahasa Karbadi mempunyai empat tingkat unit tatabahasa sahaja dibandingkan dengan lima unit tatabahasa dalam bahasa Inggeris.

Dalam perbincangannya juga, Catford turut menggariskan **syarat kepadanan sesuatu terjemahan**. Padanan terjemahan hanya akan berlaku apabila sesuatu teks atau item bahasa sumber dan bahasa sasaran dapat dikaitkan dengan (sekurang-kurangnya beberapa) *ciri isi* yang sama. Dan jenis *isi* bergantung pada *skop* sesuatu penterjemahan itu. Dalam *penterjemahan menyeluruh*, ia merupakan *isi situasi*, sementara dalam *penterjemahan fonologi*, ia merupakan *isi bunyi* dan dalam *penterjemahan grafologi*, ia merupakan *isi grafik*.

Misalnya dalam contoh di bawah (Teori Linguistik bagi Penterjemahan, 1996:66), ganti nama *we* dalam bahasa Inggeris dan *kami* dalam bahasa Indonesia merupakan padanan terjemahan dalam situasi apabila seorang penutur bahasa Inggeris tidak memasukkan pesapa; misalnya *If you do this WE will do that*. Di sini ciri situasi sebenar yang berkaitan dengan *WE* ialah *penutur* (PT) dan sekurang-kurangnya seorang *lain/orang ketiga* (O); *pesapa/pendengar* (PS) tidak dimasukkan. Dengan itu, padanan penterjemahan adalah:



Garisan luar bagi setiap contoh menggambarkan keseluruhan makna konteks (potensi) yang terbit daripada sistem bagi setiap item, manakala bulatan kecil di sebelah dalamnya pula menunjukkan unsur situasi (isi situasi) sebenar yang terkait oleh bentuk-bentuk ini. Ini bermakna ganti nama **we** diberikan padanannya dengan ganti nama **kami** kerana terdapatnya beberapa *ciri isi* (di mana **kami** juga mempunyai ciri situasi, penutur(PT) dan sekurang-kurangnya seorang lain(O)) yang bersamaan sebagai **syarat kepadanan sesuatu terjemahan**.

2.2.2 Kesan Kesepadan

Dasar kesan kesepadan sebenarnya sedikit sebanyak telah menangani pertelingkahan dalam abad ke-19 tentang persoalan sama ada terjemahan harus mirip kepada bahasa sumber atau bahasa sasaran, dan seterusnya persoalan setia lawan cantik, harfiah lawan bebas dan bentuk lawan isi. Secara amnya dasar kesan kesepadan ini menghendaki penterjemah menghasilkan sesuatu terjemahan yang dapat memberi kesan yang hampir-hampir sama pada pembacanya dengan kesan yang terhasil pada pembaca teks asal (Rieu, 1953)

Peter Newmark (*Approaches to Translation*, 1981; terjemahan oleh Zainab Ahmad dan Zaiton Ab. Rahman) telah menghuraikan tentang dasar kesan kesepadanannya ini.

Dasar kesan kesepadanannya ini menuntut daya pemikiran atau intuisi yang tinggi daripada penterjemah, di mana berdasarkan kesan kesepadanannya ini penterjemah tidak seharusnya terus memihak kepada pembaca teks asal, tetapi pada masa yang sama mestilah juga turut merasai kesan yang dirasai oleh pembaca teks asal berkenaan, disamping turut menyedari bahawa pembaca teks asal berkemungkinan mempunyai tindak balas dan ihsan yang berlainan daripada penterjemah. Tekanan dasar kesan kesepadanannya ini sebenarnya adalah pada komunikasi, pada perkara ketiga dalam hubungan penterjemahan (di mana perkara pertamanya ialah teks asal dan perkara keduanya adalah penterjemah), iaitu pada pembaca sasaran ('Siapakah si pembaca itu?' merupakan soalan pertama yang memandu penterjemah) yang sebelum ini lazimnya diketepikan kecuali dalam penterjemahan kitab Injil. Penterjemah seharusnya menghasilkan jenis terjemahan yang berlainan bagi teks yang sama untuk pembaca sasaran yang berlainan. Ini bermakna dasar kesan kesepadanannya juga turut menekankan peran pentingnya faktor rohaniah. Kita tentulah mahu mengetahui bagaimanakah setiap pembaca bertindakbalas, bagaimana ia berfikir, berperasaan dan berkelakuan. Dasar ini memungkinkan gaya penterjemahan yang luas; jika penulis asal telah menyimpang daripada norma-norma bahasa bagi jenis teks yang ditulisnya, samada teks itu

iklan, laporan atau karya sastera, maka kita mengharapkan bahawa karya terjemahan itu pun akan berlaku sedemikian juga. Sebuah puisi atau sebuah cerita yang berkeadaan sedemikian mungkin akan mengekalkan cita rasa karya asalnya, tetapi akan tetap dirasakan seperti satu terjemahan.

Walaupun begitu terdapat juga keadaan-keadaan di mana hasil terjemahan tidak begitu mencapai tahap kesepadanannya sebagaimana yang dikehendaki, iaitu dalam keadaan-keadaan seperti berikut:

Pertama, jika satu-satu teks bukan sastera memerlukan, menerangkan, atau menggunakan satu unsur khusus yang terdapat dalam bahasa yang tertulis itu, bagi pembaca terjemahan itu pula terpaksalah diterangkan kepadanya sifat khusus itu, melainkan perkara itu tidak begitu penting dan dapat ditiadakan langsung. Contohnya kesilapan sebutan jenaka yang dikemukakan oleh Freud, yang memerlukan usaha mencari contoh lain untuk menimbulkan kesan komunikasi serupa iaitu dengan mengekalkan contoh bahasa asal itu. Malah ayat '*Er behandelte mich wie seinesgleichen, ganz famillionar*', (Freud, 1975), dapat diterjemahkan sebagai '**Dia menganggap saya sebagai sebaya dengannya, seolah-olah ahli keluarganya**'. Tetapi terjemahan ini tidak sejadi seperti dalam bahasa Jerman.

Kedua, sesuatu teks bukan sastera yang berkait dengan satu aspek budaya yang rapat dengan pembaca pertama (pembaca teks asal), tetapi tidak rapat kepada pembaca bahasa sasaran tidaklah akan menimbulkan

kesan yang sama; terutama, jika pada awalnya ianya memang hanya dimaksudkan untuk tatapan pembaca bahasa pertama sahaja. Oleh itu, seorang penterjemah misalnya, sewaktu menterjemah teks undang-undang negara bahasa sumber, tidaklah boleh 'mengolah' teks itu untuk memihak kepada pembaca sasaran.

Ketiga, terdapat juga karya seni yang penuh diwarnai oleh unsur-unsur tempatan yang mungkin juga berakar umbi pada satu-satu zaman perwatakan dan perilaku manusia – bersifat sejagat, di mana turut dialami oleh pembaca terjemahan dan oleh itu tercakup juga dalam dasar kesan sepadan. Sebaliknya , karya itu mungkin memerikan satu budaya yang jauh berbeza daripada pengalaman pembaca sasaran (pembaca terjemahan), yang mungkin mahu diperkenalkan oleh penterjemah kepada mereka. Pembaca sasaran akan terus menerima sebagai sesuatu yang tidak perlu dipersoalkan lagi, walaupun ianya sesuatu yang asing dengan sifat khusus pembaca sasaran itu sendiri. Bagi terjemahan kitab Injil, penterjemah memilih kaedah kesan sepadan, semakin rapat kebenaran manusia dan konotasinya itu kepada pembaca, semakin banyaklah penterjemah itu dapat menyampaikan dakyah moral dan agamanya. Tetapi jika budaya itu begitu penting, sama penting dengan utusan tersebut (penterjemah terpaksa menentukannya), dia terpaksa mengalih secara harfiah bentuk dan isi karya asal sedapat mungkin, tanpa mengambil kira kaedah kesan setara.

Bertitik tolak dari dasar kesan kesepadanannya inilah sebenarnya Nida mendapat inspirasi dan kemudiannya beliau mengemukakan dasar padanan sejadi yang terdekat yang juga memihak kepada pembaca sasaran disamping kepentingan mesej sesuatu teks itu.

2.2.3 Padanan Formal dan Padanan Dinamis

Nida, didalam bukunya *Toward A Science of Translation, 1964* telah menulis tentang apa yang sebenarnya perlu dicari dalam sesebuah penterjemahan iaitu '*padanan terdekat*' (*the closest possible equivalent*), sebagaimana yang dinyatakan oleh Belloc (1931) :

There are properly speaking, no such things as identical equivalent....

Walau bagaimanapun menurut Nida sebenarnya terdapat dua jenis asas padanan yang berbeza iaitu:

- (a) padanan formal, dan
- (b) padanan dinamis

Penterjemahan yang berorientasikan padanan formal adalah penterjemahan yang lebih berpihak kepada kepentingan mesej dalam sesebuah teks, iaitu dalam kedua-dua bentuk dan isi. Dalam penterjemahan jenis ini, perhatian akan tertumpu kepada perhubungan

seperti perhubungan puisi dengan puisi, ayat dengan ayat dan mesej dengan mesej. Ini bermakna mesej dalam bahasa sasaran seharusnya merupakan 'padanan terdekat' bagi setiap mesej yang terdapat dalam teks bahasa sumber. Contohnya, mesej yang terdapat dalam elemen budaya bahasa sumber perlulah tetap (constant) berbanding mesej dalam elemen budaya bahasa sasaran. Ini sebenarnya bertujuan untuk menentukan darjah ketepatan dan kebenaran sesebuah terjemahan itu. Jenis penterjemahan yang benar-benar melambangkan padanan struktural ini mungkin juga dikenali sebagai '*gloss translation*', di mana kita dapat penterjemah berusaha sedaya mungkin untuk menghasilkan semula bentuk dan isi secara literal dan menepati makna sebagaimana yang diniatkan oleh penulis teks asal. Penterjemahan seumpama ini boleh kita dapat di dalam teks terjemahan zaman Pertengahan bahasa Perancis ke bahasa Inggeris yang dibuat bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar beberapa aspek mengenai kesusasteraan awal Perancis. Penterjemahan ini tidak bertujuan mendapatkan pengetahuan dari apa yang tertulis dalam teks asal, sebaliknya sekadar melihat struktur teks tersebut (struktur awal teks bahasa Perancis) seperti bentuk (contoh: sintaks dan puisi) dan isi (contoh: tema dan konsep). Dan kebiasaannya penterjemahan jenis ini memerlukan beberapa nota kaki supaya teks terjemahan lebih mudah untuk difahami. Di samping itu '*gloss translation*' dalam penterjemahan jenis ini bertujuan membolehkan pembaca teks terjemahan turut merasai seboleh mungkin sama seperti mereka yang berada dalam konteks bahasa

sumber dan seterusnya memahami sebanyak mungkin adat resam, perlakuan fikiran dan makna ujaran yang diterjemahkan.

Keadaan sebaliknya berlaku bagi penterjemahan yang mencuba untuk menghasilkan padanan yang dinamis lebih daripada padanan formal, di mana kita dapat i penterjemahan jenis ini berdasarkan 'prinsip keberkesanan padanan' (Rieu dan Philip, 1954). Perhatian tidak akan tertumpu kepada kesesuaian mesej di antara bahasa sumber dan bahasa sasaran, malahan akan lebih memandang berat terhadap hubungan dinamis (dynamic relationship) iaitu hubungan di antara pembaca teks terjemahan dan mesej teks terjemahan seharusnya benar-benar sama dengan hubungan di antara pembaca teks asal dan mesej teks asal. Penterjemahan yang berorientasikan padanan dinamis ini lebih mendorong ke arah mendapatkan 'kesejadian yang sempurna' dalam sesuatu ujaran. Dan seterusnya berusaha untuk mewujudkan perhubungan di antara pembaca teks terjemahan dan '*mood*' perlakuan yang berkaitan dalam konteks budayanya sendiri, dan bukannya terus memaksa pembaca teks terjemahan supaya memahami corak budaya dalam konteks bahasa sumber demi mendapatkan mesej.

Di antara kedua-dua konsep (padanan formal yang terhad dan padanan dinamis yang sempurna) yang begitu ketara perbezaannya dalam penterjemahan, terdapat juga tahap di mana beberapa perkara dari kedua-dua konsep yang telah diterima pakai secara serentak, misalnya dalam penterjemahan yang melibatkan unsur-unsur kesusasteraan. Walaupun

begitu dalam 50 tahun kebelakangan ini terdapat tanda-tanda yang menunjukkan perubahan dalam penterjemahan di mana kecenderungan penterjemahan masa kini lebih kearah dimensi dinamis berbanding dimensi formal. Malahan kebanyakan cadangan-cadangan dan pendapat-pendapat yang telah di utarakan oleh ahli-ahli sastera, ahli-ahli bijak pandai dan para penterjemah profesional mengenai penterjemahan telah memperlihatkan dengan jelasnya kecenderungan yang lebih berpihak kepada peningkatan tumpuan kepada penterjemahan yang berasaskan padanan dinamis (Cary, 1959b).

2.2.3.1 Prinsip yang mendorong ke arah penterjemahan padanan formal

Secara amnya penterjemahan padanan formal lebih mengutamakan bahan sumber. Ini bermakna ia dibentuk dan dihasilkan dengan bertujuan untuk mendedahkan sebanyak mungkin bentuk dan isi mesej dari teks asal. Penterjemahan jenis ini juga sebenarnya memerlukan penghasilan semula (reproduction) beberapa elemen formal termasuk:

- (a)unit gramatikal,
- (b)keselarian dalam penggunaan perkataan, dan
- (c)makna dalam konteks bahasa sumber.

Dalam penghasilan semula unit gramatikal seharusnya terdapat perkara-perkara seperti:

- (1) terjemahan perkataan demi perkataan, perbuatan demi perbuatan dan seterusnya.
- (2) mengekalkan semua frasa dan ayat sesempurna mungkin. Seperti memecah atau mengubah semula unit
- (3) memelihara kesemua petunjuk formal. Seperti tanda bacaan, pembahagian perenggan dan penanda puisi.

Sementara itu, penghasilan semula dengan keselarian dalam penggunaan perkataan bertumpu kepada indeks pengistilahan (concordence of terminology), iaitu dengan menterjemah istilah tertentu dari bahasa sumber dengan istilah yang sama dari bahasa Sasaran. Kesemua faktor-faktor ini sebenarnya telah mengakibatkan kepada kecenderungan penghasilan terjemahan yang janggal dan semestinya tidak membawa apa-apa makna. Namun begitu dengan penggunaan tanda kurungan atau penggunaan huruf italik sebagai penerangan tambahan sedikit sebanyak dapat membantu dalam menghasilkan terjemahan yang lebih lojik walaupun sering kali didapati terjemahan tersebut telah kehilangan keasliannya. Begitu juga halnya berkaitan dengan penghasilan semula makna dalam konteks bahasa sumber, kebiasaannya dalam penterjemahan padanan formal, penterjemahan tidak akan dibuat pada puisi tersebut, tetapi lebih kepada proses menghasilkan semula ujaran tersebut secara literal. Oleh kerana itu, pembaca akan dapat turut merasakan sesuatu dengan cara sebagaimana teks asal menggunakan elemen budaya tempatan untuk menyampaikan maknanya.

2.2.3.2 Prinsip-prinsip yang mendorong ke arah penterjemahan dinamis

Penumpuan yang diberikan dalam penterjemahan yang berorientasikan padanan dinamik adalah lebih terus ke arah pembaca bahasa sasaran dan sebaliknya tidak begitu mementingkan mesej dari bahasa sumber sebagaimana penterjemahan yang berbentuk padanan formal. Penterjemahan padanan dinamis telah digambarkan oleh Nida (1964, m.s 164) sebagai:

One concerning which a bilingual and bicultural person can justifiably say, "That is just the way we would say it".

Walau bagaimana pun perlu disedari bahawa penterjemahan padanan dinamis bukan hanya seperti suatu penterjemahan yang lain yang mempunyai sedikit sebanyak persamaan dengan teks sumber, tetapi adalah merupakan suatu penterjemahan yang seharusnya dapat menggambarkan makna dan niat sebenar penulis teks asal.

Salah satu daripada cara untuk menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan penterjemahan padanan dinamis ialah dengan menghuraikan **padanan terdekat yang sejadi** (*the closest natural equivalence*) kepada

bahasa sumber. Berdasarkan definisi ini terdapat tiga unsur penting (Nida,1964) iaitu:

- (1) padanan(equivalence)---pertimbangan dari sudut mesej bahasa sumber
- (2) sejadi(natural)---pertimbangan dari sudut pembaca teks terjemahan
- (3) terdekat(closest)---tahap kesesuaian yang tertinggi dari sudut kedua-dua unsur di atas(mesej asal dan pembaca teks terjemahan)

Secara amnya menurut Nida lagi, perkataan 'sejadi' yang dimaksudkan di sini semestinya merangkumi tiga perkara utama dalam proses komunikasi; terjemahan yang sejadi seharusnya menepati ciri-ciri:

- (a) keseluruhan bahasa sasaran dan budayanya,
- (b) dalam lingkungan konteks mesej itu sendiri
- (c) pembaca teks terjemahan

Sementara itu, dalam menghampiri ciri-ciri kesejadian dalam sesebuah penterjemahan akan melibatkan penyesuaian di dua daerah prinsip iaitu,

- (a) tatabahasa
- (b) leksikon

Pada dasarnya penyesuaian pada tatabahasa agak lebih mudah, kerana kebanyakan penyesuaian yang dibuat adalah berdasarkan bentuk-bentuk wajib dalam bahasa sasaran. Ini bermakna penyesuaian perlu/wajib dilakukan seperti pengubahan susunan perkataan, menggunakan kata kerja di tempat kata nama atau menukar kata nama kepada kata gantinama. Sebaliknya agak lebih merumitkan untuk membuat penyesuaian

pada struktur leksikal bahasa sumber ke bahasa Sasaran terutamanya penyesuaian yang melibatkan elemen semantik, ditambah pula dengan adanya batasan beberapa syarat seperti:

- (a) istilah yang separa sudah sedia ada seperti *river*, *tree*, *stone*, *knife* dan sebagainya.
- (b) istilah yang berlainan objek berdasarkan identiti budaya tetapi mendukung fungsi yang serupa contohnya perkataan *book* dalam bahasa Inggeris membawa pengertian kepada objek yang mengandungi beberapa helai muka surat yang kemudiannya dijilid sebagai unit, sementara dalam New Testament ia bermaksud kepingan kulit binatang atau kulit kayu yang digulung menjadi 'scroll' sebagai unitnya.
- (c) Istilah yang boleh menggambarkan identiti budaya khusus seperti perkataan *synagogue*, *homer*, *ephah*, *cherubim* dan *jubilee* yang terdapat dalam kitab Injil.

Kesejadian sesuatu ujaran itu di dalam bahasa Sasarannya adalah sebenarnya merupakan permasalahan saling kesesuaian (co-suitability) – pada tahap-tahap tertentu, dan antara yang terpenting adalah seperti berikut:

(1) kelas perkataan

(contoh: tiadanya kata nama untuk perkataan *love*, dan semestinya menyebut "God loves" dan bukannya "God is love")

(2) kategori gramatikal

(contoh: dalam sesetengah bahasa yang bersifat nominatif predikat yang mana membenarkan kedudukan nombor bersama-sama subjek, untuk ayat '*the two shall be one*' seharusnya akan menjadi '*the two must act just as though they are one person*'

(3) kelas semantik

(contoh: perkataan yang melibatkan perbuatan 'bersumpah' dalam sesetengah bahasa hanya digunakan oleh mereka yang tertentu dalam keadaan yang tertentu sahaja, sebaliknya dalam sesetengah bahasa yang lain perbuatan 'bersumpah' menjadi perkara yang begitu lazim.)

(4) jenis wacana

(contoh: sesetengah bahasa itu digunakan lebih secara terus, tetapi sebaliknya pula bagi sesetengah bahasa yang lain yang menyatakan sesuatu dengan agak berselindung)

(5) konteks budaya

(contoh: sesetengah masyarakat menerima sesuatu yang baru dengan lebih terbuka, tetapi sesetengah masyarakat lebih bersifat 'menutup pintu')

Di samping penyesuaian untuk mendapatkan padanan yang paling tepat pada bahasa sasaran dan budayanya, sesuatu hasil terjemahan itu seharusnya menuruti konteks sesuatu mesej itu sendiri. Dan pada hakikatnya permasalahan yang sering timbul tidak terhad pada perkara-perkara yang berkaitan dengan '*gross translation*' atau bentuk-bentuk

leksikalnya sahaja, tetapi juga turut melibatkan perkara-perkara yang lebih rumit seperti intonasi dan rentak ayat (Ezra Pound, 1954, p.298).

Sementara itu, anakronisma(anachronism, iaitu sesuatu yang ketinggalan zaman) juga turut merupakan salah satu faktor yang menyebabkan ketidak saling kesesuaian pada mesej dan konteks. Misalnya di dalam kitab Injil yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris terdapat perkataan '*iron-oxide*' bagi perkataan yang bermaksud '*rust*'. Secara teknikal tidak ada salahnya penggunaan perkataan tersebut tetapi dari sudut penggunaan masa kini ia agak janggal . Anakronisma melibatkan dua jenis kesalahan (Nida,1964) iaitu:

- (1) menggunakan perkataan kontemporari yang mana akan membawa keadaan kejanggalan kehidupan akibat dari zaman yang berbeza. Misalnya menterjemah '*demon possessed*' sebagai '*mentally distressed*'.
- (2) Menggunakan bahasa yang agak ketinggalan (bahasa lama) dalam bahasa sasaran sehingga melahirkan satu keadaan yang bukan realiti.

Pada hakikatnya ketepatan sesuatu mesej yang berada dalam lingkungan konteksnya tidak hanya bergantung kepada perkara yang berkaitan dengan perkataannya sahaja. Keseluruhan perasaan yang lahir terhadap sesuatu mesej itu tidak hanya melibatkan perkara-perkara seperti objek, peristiwa, abstrak dan hubungan antara simbolnya sahaja, malahan juga turut bergantung kepada pilihan stilistik dan susunan simbol-simbol teks berkenaan. Dan stilistik yang standard yang dapat diterima oleh sesetengah jenis wacana itu agak berlainan dari satu bahasa dengan

bahasa yang lain. Misalnya, nada-nada emosi seperti sedih dan gembira yang seharusnya dapat menggambarkan pandangan sebenar penulis teks asal. Justeru itu salah satu daripada tugas penterjemah ialah untuk membuat pilihan perkataan yang tepat dan menyusunnya semula supaya bentuk-bentuk seperti kelas sosial dan dialek geografikal dapat digambarkan dengan jelas. Dengan ini setiap watak yang ada semestinya dapat mempamerkan individualiti dan personalitinya dengan jelas sebagaimana yang telah dilakukan oleh penulis asal dalam teksnya.

Selain daripada itu, disebut juga di antara elemen yang turut mempengaruhi kesejadian sesuatu tejemahan itu iaitu sejauh mana teks terjemahan tersebut dikatakan sesuai dengan pembacanya. Perkara ini juga disebut sebagai '**kesan kesepadan**' (sebagaimana yang telah dihuraikan di atas) yang mana diharapkan kesan yang diterima oleh pembaca teks terjemahan semestinya sama dengan kesan yang diterima oleh pembaca teks asal. Dan ini sebenarnya bergantung kepada tahap pengalaman dan keupayaan serta kemahiran seeorang penterjemah itu melakukan proses menyahkod. Walau bagaimanpun agak sukar untuk mengetahui bagaimana pembaca teks asal memberi tindak balas terhadap teks bacaannya.

2.2.3.3 Padanan sejadi yang terdekat

Nida yang begitu menekankan prinsip padanan sejadi yang terdekatnya terus membincangkan perkara berikut yang dapat dilihat dalam bukunya *Language Structure and Translation*(1975), di mana beliau telah memberi definisi penterjemahan sebagai proses menghasilkan semula (reproducing) sesuatu mesej dari teks bahasa sumber ke bahasa Sasaran berdasarkan padanan sejadi yang terdekat (the closest natural equivalence): pertama dari segi makna dan kedua dari segi stilinya.

Sementara itu dalam bukunya, *The Theory and Practice of Translation* (1974) beliau telah mengutarakan enam aspek penting dalam teori penterjemahan, iaitu:

(1) penyalinan semula maklumat

Tugas penterjemah yang paling dasar adalah untuk menyalin semula segala maklumat yang terkandung dalam teks sumber ke dalam bahasa Sasaran. Untuk memenuhi tugas penyalinan semula maklumat maka dalam proses itu banyak penyesuaian tatabahasa dan perkataan mesti dilakukan .

(2) padanan bukannya keserupaan

Dalam menjalankan tugasnya penterjemah juga dikehendaki mencari bentuk-bentuk yang sama dan sepadan, bukan yang serupa. Atau dalam perkataan lain proses penyalinan semula dilakukan pada maklumatnya, bukannya pada bentuk bagaimana maklumat itu diungkapkan.

(3) padanan yang sejadi

Terjemahan yang baik ialah terjemahan yang tidak 'berbau' terjemahan apabila dibaca, malah terasa seolah-olah terjemahan itu telah ditulis terus ke dalam bahasa sasaran. Dengan itu penterjemah hendaklah membuat terjemahan dengan menggunakan ciri-ciri asli yang dipunyai oleh bahasa sasaran, dan sekali-kali tidak boleh memaksa pembaca teks terjemahan mengambil bentuk-bentuk tatabahasa atau ungkapan bahasa sumber yang asing baginya. Satu lagi implikasi prinsip ialah, teks sumber yang ditulis beberapa lama dulu tidak sepatutnya diterjemah dalam bentuk yang dapat dirasakan 'lama'nya, sebaliknya hendaklah diterjemahkan sedemikian rupa supaya dapat dirasakan seolah-olah teks itu baru ditulis.

(4) padanan terdekat

Penterjemah yang baik akan selalu berusaha untuk menterjemah dengan menggunakan padanan terdekat. Dan perlu diingat bahawa tidak semua padanan terdekat itu adalah juga padanan yang sejadi.

(5) keutamaan makna

Segala pertimbangan yang diambil dalam penterjemahan haruslah berdasarkan penyalinan semula makna yang terkandung dalam teks sumber. Ini bermakna ada masanya penterjemah diwajibkan membuat perubahan-perubahan yang agak radikal semata-mata supaya maklumat itu dapat dikenalkan dalam bahasa sasaran.

(6) kepentingan gaya

Walaupun makna adalah lebih utama daripada stail, tetapi tidak boleh dinafikan bahawa aspek stail juga mempunyai kepentingannya sendiri. Bukti bahawa stail merupakan unsur penting ialah kesan negatif yang timbul apabila unsur stail yang baik tidak ada pada sesuatu teks. Dengan itu sesuatu tek puisi tidak sepatutnya diterjemah seolah-olah teks tersebut ialah karya prosa, ataupun teks dedahan yang diterjemah seolah-olah teks penjelasan.

Berpandu kepada enam aspek di atas, Nida (1974) turut mengemukakan empat pedoman untuk memandu para penterjemah memilih apa yang wajar dalam makna sesuatu perkataan, iaitu:

(1) Keselarasan konteks lebih diutamakan daripada keselarasan cara sesuatu maklumat itu dikemukakan , atau keselarasan perkataan demi perkataan.

Disini ,terjemahan dilihat dari sudut bentuk-bentuk bahasanya, kerana perkataan yang serupa mungkin mempunyai bidang makna yang tidak sama dalam bahasa –bahasa yang berlainan. Oleh itu pemilihan kata yang betul dalam bahasa sasaran untuk menterjemah perkataan daripada bahasa sumber hendaklah bergantung pada konteks dan bukan setakat menggantikan sesuatu perkataan dalam bahasa sumber dengan satu

(2) Padanan dinamis hendaklah lebih diutamakan daripada keselarasan formal.

Di sini terjemahan dilihat bukan dari sudut bahasa, tetapi sebaliknya dilihat dari sudut pembaca sasaran yang akan membaca terjemahan tersebut. Sudut ini menilai terjemahan berdasarkan keupayaan pembaca sasaran memahami sesuatu terjemahan itu. Keupayaan itu pula tidaklah diukur hanya dengan pertanyaan apakah perkataan-perkataan itu dapat dimengerti oleh pembaca, atau apakah ayat-ayatnya mempunyai tatabahasa yang betul sebaliknya hendaklah diukur dari kesan keseluruhan terjemahan itu atas penerimaan dari sudut sejauh mana penerima maklumat dalam bahasa sasaran mengalami kesan yang serupa dengan kesan yang dialami oleh pembaca teks asal.

(3) Bentuk-bentuk bahasa yang didengar hendaklah lebih diutamakan daripada bentuk-bentuk yang ditulis.

Sudut ini melihat terjemahan daripada pertimbangan-pertimbangan komunikasi dan perspektif ini sangat sesuai untuk penterjemahan bahan-bahan seperti skrip rancangan radio, televisyen, filem dan iklan yang dipancarkan melalui media elektronik, oleh sebab setengah-setengah teks adalah untuk dibaca dan didengar oleh penerima sasaran. Dalam hal ini terjemahannya hendaklah boleh didengar dengan sangat jelas demi kefahaman pendengar teks tersebut.

(4) Keperluan pembaca sasaran hendaklah lebih diutamakan daripada bentuk bahasa

Pendekatan ini mengutamakan unsur-unsur komplek seperti umur, pendidikan, jantina dan pengalaman latar belakang pembaca sasaran. Sudut ini menganalisis masalah-masalah terjemahan dan jenis-jenis audien terjemahan tersebut. Dipandang dari sudut ini, keutamaan hendaklah diberikan kepada bentuk-bentuk bahasa yang difahami dan diterima oleh pembaca, bukan kepada bentuk-bentuk yang dianggap lebih baik dari segi teknikal atau nilai-nilai kesusasteraan.

Sementara itu **Ainon Muhammad** turut membincangkan konsep **padanan sejadi yang terdekat** berdasarkan huraian ringkasnya mengenai *Aspek Kebudayaan dalam Penterjemahan (Panduan Menterjemah, 1994)*. Menurutnya, terjemahan sebenarnya tidak sekadar mengalihkan bahasa, terjemahan juga melibatkan penghantaran maklumat-maklumat kebudayaan yang terkandung dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Prinsip terjemahan yang secara langsung bersangkutan dengan aspek ini ialah prinsip prinsip **padanan terdekat dan sejadi**. Ada dua jenis padanan yang terkandung dalam prinsip tersebut, iaitu:

- (1) padanan terdekat.
- (2) padanan sejadi.

Sesuatu padanan itu mungkin bersifat terdekat tetapi tidak sejadi. Misalnya, padanan terdekat dengan **pulut kuning** dalam bahasa Inggeris ialah *yellow*

rice. Tetapi padanan ini tidak menggambarkan aspek-aspek kebudayaan orang-orang Melayu. Warna *yellow* dalam bahasa Inggeris adalah serupa sahaja seperti warna-warna biasa lainnya. Oleh yang demikian, ungkapan *yellow rice* tidak menggambarkan sifat-sifat **pulut kuning**. **Pulut kuning** dalam kebudayaan Melayu mendapat statusnya bukan berdasarkan warna tetapi fungsinya yang istimewa dalam kehidupan orang Melayu. **Pulut kuning** ialah sejenis makanan yang disediakan khusus untuk sesuatu fungsi kebudayaan.

Adakalanya padanan yang sejadi tidak merupakan padanan terdekat. Misalnya padanan sejadi untuk *doctor* dalam bahasa Melayu ialah **tabib**, tetapi walaupun sejadi, istilah **tabib** mempunyai konotasi negatif dikalangan orang Melayu.

Sebaliknya , adakalanya sesuatu padanan itu mungkin bersifat terdekat dan sejadi sekaligus. Misalnya, persamaan untuk *lawyer* ialah **peguam** dalam bahasa Melayu, iaitu padanan yang terdekat dan tidak mempunyai konotasi negatif tentangnya. Walaupun begitu istilah pinjamannya, iaitu **loyar** tidak mempunyai kedudukan yang sama dengan **peguam**, dalam erti kata nilai emosi istilah **loyar** adalah negatif bagi penutur-penutur bahasa Melayu.

Padanan yang paling baik ialah padanan yang terdekat dan juga sejadi sekaligus. Sebagai contoh terdapat istilah **ras** yang dicipta untuk istilah *race* mempunyai pelbagai padanan sejadi dalam bahasa Melayu. Pemilihan satu istilah antara **bangsa**, **suku**, **kaum**, **keturunan**, **puak**, **darah** dan **orang** didasarkan pada konteks kehadiran istilah *race*. Ungkapan *Malay*

race boleh diterjemah kepada **bangsa Melayu, orang Melayu, kaum Melayu, keturunan Melayu**, terpulanglah pada konteks. Ungkapan **ras Melayu** mungkin padanan terdekat dalam bidang sosiologi, tetapi dapat diganti dengan ungkapan-ungkapan lain yang lebih sejadi di tempat-tempat lain menurut konteksnnya.

Seterusnya istilah *talaq* dalam bahasa Arab telah diterjemah kepada **talak** dalam bahasa Melayu. Ada masanya, **talak** digunakan dengan maksud bercerai atau berpisah, dan oleh yang demikian, kedua-duanya boleh dijadikan padanan yang terdekat dan sejadi bagi istilah *talaq*.

Tambah beliau lagi untuk menterjemah variasi-variasi warna daripada sesuatu bahasa ke dalam bahasa lain juga mustahak supaya diberikan padanan terdekat dan sejadi dalam bahasa sasaran. Dari segi terjemahan terdapat tiga kumpulan warna, iaitu:

Pertama, warna-warna utama yang ada padanannya dalam tiap-tiap bahasa adalah seperti **hijau (green)**, **merah (red)**, **hitam (black)**, **biru (blue)** dan lain-lain. Menterjemah warna –warna tidak ada masalahnya.

Kedua, warna-warna yang dinamakan menurut unsur kebudayaan tempatan. Yang menjadi masalah dalam penterjemahan warna-warna ini ialah, penterjemah mungkin tidak menyedari bahawa variasi itu ada namanya sendiri dalam bahasa sasaran, tetapi disebut dengan nama yang berbeza. Sebagai contoh **golden (kuning padi)**, **apple green (hijau pucuk pisang)**, **violet brown (merah manggis)**, **crimson (merah lembayung)**, **chrome yellow (kuning kunyit)** dan **black brown (hitam lotong)**.

Ketiga, warna-warna yang belum diiktiraf sebagai variasi dalam bahasa sasaran. Sebagai contoh kebudayaan Melayu tidak mengiktiraf jenis-jenis warna putih dalam peta warnanya. Malah kebudayaan Melayu tidak mengiktiraf putih sebagai warna sebagaimana yang tersirat dalam ungkapan "ibarat kain putih yang belum diwarnakan" atau pada ungkapan "putih bersih". Ini berlainan pula dengan kebudayaan lain yang mungkin mengiktiraf adanya pelbagai jenis warna putih. Dalam keadaan serupa ini sebaiknya variasi itu tidak diterjemah mengikut padanan kebudayaan asal tetapi dinamakan mengikut padanan kebudayaan tempatan supaya pembaca terjemahan itu dapat mentafsirkan maknanya dengan bantuan pengalaman kebudayaannya sendiri.

Dalam bahasa Melayu, warna **kelabu** mempunyai dua variasi iaitu **kelabu asap** dan **kelabu tahi anjing**. Dalam bahasa Inggeris *grey* mempunyai variasi *ash grey*, *dark grey*, *iron grey*, *lavender grey*, *leaden grey*, *middle grey*, *pale grey* dan *slate grey*.

Terdapat dua cara menterjemah variasi warna-warna yang belum diiktiraf oleh bahasa sasaran. Sebagai contoh, untuk menterjemah *lavender grey* ke dalam bahasa Melayu,

Pertama, jika padanan warna itu juga ada dalam kebudayaan Melayu, maka variasi itu boleh diterjemah dengan meminjam sekaligus padanan itu. Oleh yang demikian, *lavender grey* boleh diterjemah menjadi **kelabu gandaria**. Contoh-contoh lain adalah seperti *copper red* (**merah tembaga**), *indigo blue* (**biru nila**) dan *wood brown* (**perang kayu**).

Kedua, untuk variasi warna yang padanannya tidak terdapat dalam bahasa tempatan, cara menterjemahnya adalah dengan mencari padanan tempatan yang sewarna. Sebagai contoh, *violet red* dan *apricot* boleh diterjemah kepada **merah bawang**, *amethyst* (**kecubung**), *jade green* (**hijau lumut**), *ice blue* (**biru laut**) dan *rosy buff* (**perang kulit kerbau**).

Walau bagaimanapun, penting diingat adakalanya sesuatu warna itu tidak dipandang serupa oleh kebudayaan tertentu. Sebagai contoh warna *purple* atau **ungu** pada pandangan hidup orang berbudaya Inggeris adalah variasi warna merah, tetapi pada pandangan hidup orang berbudaya Melayu adalah variasi warna biru. Supaya bertambah jelas, terdapat beberapa variasi *grey* yang pada pandangan hidup budaya Melayu tidak termasuk dalam variasi **kelabu**, iaitu *dark greyish purple* (**hitam manggis**), *iron grey* (**kelam besi**) dan *pale grey* (**putih mutiara**).

Satu perkara yang dapat kita simpulkan daripada contoh-contoh di atas ialah, penterjemahan yang menggunakan bentuk-bentuk padanan yang terdekat dan sejadi adalah tiada lain bertujuan menghasilkan sesuatu terjemahan yang bersahaja, iaitu hasil terjemahan tersebut tidak akan kelihatan "seperti terjemahan" apabila dibaca. Sebaliknya terjemahan itu seolah-olah ditulis terus ke dalam bahasa sasaran.

2.2.4 Ketidak-padanann

Keadaan ketidak-padanann atau juga dikenali sebagai keadaan ketidak-terjemahan berlaku apabila sesuatu perkataan atau frasa yang mewakili konsep yang tidak dapat dipadankan atau diterjemahkan dengan sepenuhnya ke dalam bahasa sasaran kerana adanya batasan atau had yang tertentu (Hasuria Omar,1997).

Catford (1974:94) mengakui bahawa konsep ketidak-padanann dapat berlaku dalam penterjemahan disebabkan oleh dua faktor:

Faktor linguistik --- berlaku apabila bentuk bahasa yang hendak diterjemahkan tidak mempunyai padanan yang sesuai dalam bahasa sasaran, khususnya pada padanan leksikal dan padanan yang berbentuk sintaksis.

Faktor budaya --- berlaku apabila tidak adanya ciri-ciri situasi atau fitur bagi budaya bahasa sumber dalam budaya bahasa sasaran.

Newmark (1998) menganggap bahawa ketidak-padanann ini berlaku apabila tidak ada padanan satu lawan satu yang sedia ada dalam bahasa sasaran.

Popovic (1980) sebagaimana yang telah dipetik daripada Hasuria Omar (Okt 1997) mendefinisikan ketidak-padanann tanpa memisahkan aspek linguistik daripada aspek budaya. Bagi beliau, terdapat dua batasan dalam mencari padanan:

Pertama, satu keadaan yang berlaku apabila elemen-elemen linguistik bagi teks asal tidak dapat diganti dengan sempurnanya dalam teks sasaran. Elemen-elemen ini adalah seperti bentuk-bentuk struktural, linear,

fungsi atau semantik. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh ketidakcekapan dalam memberikan konotasi dan denotasi sesuatu bentuk dalam teks sasaran.

Kedua, satu keadaan yang berlaku apabila hubungan yang menyatakan maksud, iaitu hubungan antara subjek kreatif dengan pernyataan linguistik dalam bahasa sumber tidak dapat dicari pernyataan yang sama dalam bahasa sasaran menerusi proses penterjemahan.

Walau bagaimana pun, menurut Hasuria Omar keadaan ketidak-padanannya dapat diatasi juga dengan mengambil kira konteks situasi dan juga menentukan padanan dari segi fungsi.

Sementara itu **Mona Baker** dalam bukunya *In Other Word (A course book on translation)* (1992) telah membincangkan dengan panjang lebar mengenai permasalahan ketidak-padanannya.

Menurut beliau adalah agak mustahil untuk kita untuk memberi garis panduan mutlak dalam mengatasi permasalahan ketidak-padanannya yang berlaku di antara bahasa dalam proses penterjemahan. Pemilihan padanan yang sesuai dalam konteks yang telah ditentukan bergantung kepada pelbagai faktor yang meluas. Dan sesetengah faktor ini mungkin terhad dari segi linguistik maupun di luar linguistik. Pemilihan padanan yang sesuai juga tidak selalunya hanya bergantung kepada sistem linguistik ataupun yang dikawal oleh penterjemah, tetapi juga turut mengambil kira niat asal penulis teks sumber dan pengeluar teks sasaran. Jenis dan tahap

kesukaran yang dikemukakan begitu berbeza bergantung kepada sifat ketidak –padanan itu. Berlainan jenis ketidak-padanan, berlainan pula strategi yang diperlukan, sesetengah begitu mudah dan tidak kurang pula yang memerlukan penglibatan banyak perkara dan sukar untuk diatasi.

Sementara dalam berurusan dengan apa jua jenis permasalahan ketidak-padanan sekalipun, tambah beliau lagi yang paling utama dilakukan ialah menilai kepentingan dan penglibatan perkataan atau frasa tersebut berdasarkan kepada konteks yang telah ditentukan dalam sesuatu teks itu. Ini adalah kerana tidak semua perkataan atau frasa yang menjadi punca permasalahan ketidak-padanan itu penting. Sekiranya ia tidak akan menjelaskan makna, kita boleh mengabaikannya, sebaliknya sekiranya ia merupakan kata kunci kepada kefahaman teks dan seterusnya kepada perkembangan teks, maka seboleh mungkin kita mesti mendapatkan maknanya

2.2.5.1 Budaya dan masalah padanan

Kata pada asasnya merupakan simbol bagi fitur budaya. Sepatutnya, dalam kerja menterjemah keadaan budaya dalam kedua-dua bahasa mesti diketahui dan kata-kata yang mempunyai padanan yang paling hampir mesti digunakan. Satu kajian tentang masalah yang dipilih daripada berbagai aspek budaya membantu seseorang untuk melihat dengan lebih jelas lagi hubungan maklumat budaya dengan masalah semantik yang

ditemui dalam linguistik deskriptif. Masalah terjemahan, yang sebenarnya masalah kepadanan (masalah ketidak-padan), boleh dilihat dalam beberapa sudut sebagaimana yang telah digariskan oleh Nida (terjemahan oleh Mashudi Kader, 1996:84) :

(1) Ekologi

Kepelbagaiannya variasi ekologi yang melampau dari wilayah ke wilayah jarang dijangkakan dan selalunya terdapat sedikit kesukaran dalam mencari beberapa padanan bagi istilah yang menunjukkan dengan jelas fitur ekologi.

Misalnya, di negara-negara Tropika selalunya sukar untuk menggunakan perkataan *dessert* sebagai satu tempat yang mempunyai tumbuhan yang sedikit. Sukar bagi puak Indian Maya untuk membayangkan bahawa ada tempat yang tidak mempunyai tumbuhan melainkan ia telah dibersihkan untuk ladang jagung, dan satu ladang yang telah dibersihkan bukanlah berpadanan dari segi budaya dengan gurun di Palestin. Untuk menterjemah *river* dengan 'air yang mengalir' atau *lake* dengan 'kawasan air yang besar', atau menerangkan cara untuk menjalankan sebuah bot bagi orang yang tidak pernah melihat *benda* seperti itu dan tidak juga mendengar tentangnya, selalunya mencabar kepercayaan mereka.

(2) Budaya kebendaan

Masalah yang menyebabkan fitur budaya kebendaan selalunya jauh lebih kompleks jika dibandingkan dengan masalah yang melibatkan fitur ekologi. Misalnya perkampungan bagi kebanyakan orang asli agak berbeza

daripada bandar bertembok pada zaman dahulu. Sepatutnya kisah dalam *Acts 9.24*, tentang 'pintu gerbang' bandar yang ditutup nampaknya hampir tidak dapat dipercayai. Bahasa tempatan mungkin tidak mempunyai perkataan untuk 'pintu gerbang' dan sekiranya ada pun, bandar atau kampung itu tentunya tidak mempunyai 'pintu gerbang'. Sebaliknya jika seseorang itu mencuba menggunakan 'pintu bandaraya' gambarannya mungkin lebih mengelirukan memandangkan orang mungkin berfikir bahawa bandaraya itu merupakan bangunan yang sangat besar yang mempunyai pintu, ataupun terdapatnya pintu besar di sekitar bandaraya.

(3) Budaya sosial

Dalam kesulitan organisasi sosial dan kawalan sosial, penterjemah sering kali berdepan dengan banyak kesulitan dalam interpretasi dan padanan. Misalnya , dalam bahasa Maya tidak terdapat istilah bagi *brother* atau *sister*. Akan tetapi seseorang itu mesti menunjukkan sama ada orang itu *abang* atau *adik lelaki* ataupun kakak atau *adik perempuan*. Begitu juga dengan terjemahan yang melibatkan kelas dan kasta, selalunya sukar untuk dijelaskan dengan memuaskan. Misalnya dalam budaya puak Maya Yucatan, susunan sosial dan ekonomi di perkampungan puak Indian ditentukan oleh jarak tempat penduduk itu tinggal dengan pusat bandar atau kampung. Sepatutnya, penterjemah menggunakan frasa *the people in the back part of town* untuk orang biasa *the common people*.

(4) Budaya agama

Dalam soal budaya agama , masalah terjemahan selalunya adalah yang paling membingungkan. Nama untuk tuhan sentiasa menjadi masalah yang rumit. Istilah asal mungkin mempunyai konotatif yang menjadikannya janggal untuk digunakan. Walau bagaimanapun, ada yang lebih sukar daripada itu iaitu perkataan yang berkaitan dengan kesucian dan kemurnian. Perkataan- perkataan ini terlalu berkait rapat dengan keseluruhan pantang larang agama yang dalam kebanyakan keadaan adalah agak rumit untuk dicarikan padanan yang sesuai.

(5) Budaya bahasa

Bahasa adalah sebahagian daripada budaya tetapi kerja terjemahan dari satu bahasa kepada satu bahasa yang lain melibatkan fitur istimewa bahasa masing-masing sebagai tambahan kepada masalah budaya yang lain. Misalnya , sesetengah bahasa mempunyai hanya tiga jenis kata iaitu; kata ala kata nama, kata ala kata sifat dan partikel.. Untuk mengagak perluasan yang wujud dalam bahasa seperti itu ke dalam bahasa Indo-Eropah adalah mustahil. Banyak bahasa menyatakan sesetengah konsep dalam kata ala kata sifat yang biasa kita nyatakan dalam kata nama. Misalnya dalam bahasa Mazatec tiada kata nama yang berpadanan dengan kata teknikal bahasa Inggeris *food, faith, love, baptism* dan *repentance*. Kesemua penyataan yang mengandungi kata nama bahasa Inggeris ini mesti diterjemah ke dalam bahasa Mazatec dengan penyataan lisan.

Perbezaan yang wujud antara bahasa paling baiknya diselenggarakan berdasarkan aspek-aspek fonologi, morfologi dan sintaktik.

2.3 PENUTUP

Kajian ini akan berpandukan dasar-dasar dan pendekatan-pendekatan yang telah disarankan oleh Nida iaitu padanan dinamis, yang mementingkan padanan sejadi yang terdekat, kerana bagi penulis konsep ini amat sesuai untuk diterima pakai pada bahan kajian yang telah dipilih iaitu teks karya kreatif.